

BAB KETIGA

*SISTEM MATA
WANG ISLAM*

BAB 3

SISTEM MATA WANG ISLAM

3.1 PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang syumul merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Ia merupakan agama yang cukup universal dengan pelbagai rangkaian hukum-hukum dari segi kepercayaan, perbuatan dan percakapan, semuanya berdasarkan agama wahyu daripada Allah S.W.T yang bukannya ciptaan manusia. Ia juga sebagai pelengkap kepada agama-agama lain yang wujud di dunia ini. Berdasarkan Islam sebagai *al-Dīn* inilah segala peraturan hidup manusia sama ada yang bersangkutan dengan sistem pemerintahan, sosial, ekonomi dan sebagainya perlulah merujuk kepada dua sumber utama, iaitu al-Quran dan al-Sunnah demi untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan duniawi dan ukhrawi.

Setelah fajar Islam semakin hari semakin bersinar, ramai para ulama dan intelektual Islam mewar-warkan untuk kembali semula kepada ajaran Islam yang lebih komprehensif sebagaimana generasi rabbani yang pernah dibina oleh junjungan besar kita nabi Muhammad S.A.W. Serentak dengan itu juga, terdapat suara-suara sumbang pendokong ideologi Sekular yang menentang untuk menjadikan Islam sebagai *al-Dīn* yang merangkumi segala aspek kehidupan.¹

Satu perkara yang menjadi perbahasan utama dekad ini ialah yang - bersangkutan dengan muamalat dalam konteks semasa, kerana impak daripada perubahan masa dan zaman menuntut kita untuk membincangkan elemen-elemen

¹ Yūsuf 'Abd. Allah al-Qarāḍāwī (1993), *Bayyināt al-Hillī al-Islāmī Wa Syubuhāt al-'Ilmāniyyīn Wa al-Mutagharrībīn*, Kaherah : Maktabah Wahbah, h. 67.

baru dalam bidang muamalah Islam, antaranya yang berkaitan dengan sistem kewangan yang berlandaskan syariat Islam. Persoalan ekonomi Islam juga merangkumi aspek yang bersangkutan dengan mata wang. Islam amat menitik-beratkan persoalan mata wang kerana ia adalah elemen penting yang dapat menstabilkan ekonomi dan menyelesaikan krisis ekonomi.

Oleh yang demikian, perlulah sistem mata wang sekarang dikaji semula, dan alternatif terhadap sistem mata wang yang berteraskan Islam perlu diwujudkan memandangkan sistem mata wang Islam telah wujud pada zaman Rasulullah S.A.W sehinggalah jatuhnya kerajaan 'Uthmaniyyah di Turki, terbukti telah memainkan peranan utama dalam menyelesaikan dan menstabilkan ekonomi pada masa itu. Mata wang yang bebas daripada belenggu penjajah perlu diwujudkan.²

Perbincangan mengenai sistem kewangan yang berorientasikan Islam adalah suatu perkara yang menarik untuk dibincangkan kerana ia merupakan realiti baru yang dipraktikkan semula, terutama sejak dekad 1970-an. Namun pada hakikatnya falsafah dan prinsip sistem kewangan Islam telahpun digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah lebih daripada 1,400 tahun yang lalu.³ Ini berlaku akibat daripada kejayaan kolonialis barat mengalihkan pemikiran umat Islam supaya berkiblatkan kepada mereka dan mempercayai bahawa sistem kewangan adalah berasal daripada ciptaan orang-orang barat.

² Yūsuf 'Abd. Allah al-Qaradhāwī (1993), *al-Hulūl al-Mustauradah Wa Kaifa Janat 'Alā Ummatinā*, Kaherah : Maktabat Wahbah, h. 90.

³ Nor Mohamed Yacop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 1.

Oleh yang demikian, demi untuk menyelamatkan dunia daripada sistem ekonomi barat yang rakus meratah ekonomi negara-negara kecil memerlukan kepada alternatif baru bagi menjamin keadilan dunia sejagat.

Apabila kita cuba menyentuh suatu tajuk yang menyentuh Islam masa kini, kita semestinya mengaitkannya dengan kebangkitan semula Islam. Konsep kebangkitan semula Islam membawa kita ke abad-abad permulaan Islam – abad-abad gemilang keagungan ketika dunia di bawah kekuasaan Islam dan keilmuan Islam mencapai tahap yang tiada tolok bandingnya. Umat Islam pada masa itu melangkah dengan gagahnya ke seantero dunia dengan membawa tamadun kecemerlangan Islam. Empayar Parsi dan sebahagian besar empayar Rom jatuh ke tangan Islam. Perkembangan tamadun Islam yang tinggi pada waktu itu telah membawa orde baru terhadap dunia.

Tidak ketinggalan juga pada masa itu Islam telah menjadi pusat kewangan dunia, di mana Mekah dan Madinah menjadi pusat kunjungan utama pedagang-pedagang dari seluruh pelusuk dunia. Perlu diketahui juga pada masa itu mata wang utama dalam transaksi pertukaran dan perdagangan mereka adalah dinar dan dirham yang diterima pakai oleh dunia sebagai instrumen utama dalam setiap amalan perekonomian mereka.

Oleh yang demikian, alternatif utama yang dicanangkan oleh cendikiawan-cendikiawan ekonomi Islam ialah untuk melaksanakan sistem ekonomi Islam yang berasaskan mata wang Islam, iaitu dinar dan dirham sebagaimana ianya telah menjadi mata wang utama yang diguna-pakai oleh umat Islam pada zaman

Rasulullah S.A.W sehinggalah merudumnya kerajaan 'Uthmaniyyah Turki. Sejarah telah membuktikan bahawa sistem mata wang Islam telah terbukti berkesan dalam menyelesaikan segala masalah ekonomi yang berlaku pada masa itu seperti inflasi, kegiatan spekulasi, manipulasi mata wang dan sebagainya lagi.

3.2 KONSEP SISTEM MATA WANG ISLAM

Dalam perbincangan mengenai konsep sistem mata wang Islam, terlebih dahulu kita perlu mengetahui dasar-dasar Islam terhadap pengurusan wang. Secara asasnya, segala urusan hidup perlu berada di bawah kawalan al-Quran dan al-Sunnah sepenuhnya, termasuk dalam hal yang berkaitan dengan kewangan. Oleh itu, perundangan syariah yang berasaskan kepada kepercayaan, keadilan dan kesamaan menjadi matlamat utama kita.⁴

Sistem itu sendiri membawa makna kumpulan prinsip dan peraturan yang teratur yang membolehkan dan memudahkan manusia mencapai matlamat yang dikehendaki.⁵ Oleh itu, sistem mata wang Islam boleh diertikan sebagai kumpulan prinsip, kaedah ataupun peraturan yang teratur lagi tersusun merangkumi segala bentuk yang berkaitan dengan wang, serta bertepatan dengan syarak. Ia juga perlu bebas daripada unsur-unsur riba, spekulasi, inflasi dan manipulasi mata wang.

⁴ Mahmood M. Sanusi (2002), "Gold Dinar, Paper Currency and Monetary Stability : An Islamic View," dalam Ahamed Kameel Mydin Meera (ed), *Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Global Monetary System*, Kuala Lumpur : Univesiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), h. 75-76.

⁵ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 7.

Bagi memperincikan lagi konsep sebenar mata wang Islam, perlu untuk kita merungkai kembali lipatan sejarah munculnya mata wang Islam. Islam tidak mempunyai mata wang yang tertentu pada permulaannya. Islam muncul di Mekah dalam situasi mata wang dinar dan dirham telahpun digunakan oleh masyarakat sebagai transaksi mereka. Kedua-dua jenis mata wang ini adalah berasal daripada empayar Rom Bizantium dan Sāsān.

Walau bagaimanapun, Rasulullah S.A.W sendiri tidak pernah membantah penggunaannya sebagai mata wang. Cuma selepas pemerintahan ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a barulah mata wang direka bentuk sesuai dengan kehendak Islam. Reformasi matawang ini diteruskan dengan spesifikasi yang lebih Islamik pada zaman ‘Abd al-Mālik ibn Marwān pada tahun 75 H. Konsep Dinar Islam ialah sejenis mata wang emas tulin. Mengikut standard pertubuhan perdagangan Islam setiap Dinar mempunyai ciri-ciri seperti, berat sebanyak 4.3 gram, diperbuat daripada Emas 22-karat dan berukuran lilit 23 milimeter. Standard ini digunapakai sejak zaman Khalifah ‘Umar Al-Khaṭṭāb r.a.⁶ Menurut piawaian ‘Umar al-Khaṭṭāb r.a., berat satu dinar emas ialah 4.25 gram dan berat satu dirham perak pula ialah 3 gram manakala nisbah berat antara dinar dan dirham ialah 7 dinar hendaklah sama beratnya dengan 10 dirham.⁷ Tegasnya, dinar Islam adalah asas kepada sistem kewangan Islam.⁸

⁶Sila lihat http://www.tv3.com.my/news/bu/march2002/26_berita2.html, 12 Ogos 2002.

⁷Sila lihat http://www.geocities.com/zek_my/news1/ut317.html, 12 Ogos 2002.

⁸ Mahmood M. Sanusi (2002), *op.cit*, h. 81.

3.3 DINAR SEBAGAI MATA WANG ISLAM

Penggunaan mata wang dinar dan dirham mendapat pengiktirafan daripada Islam, walaupun pada asalnya mata wang digunakan oleh kerajaan sebelum Islam seperti Rom dan Parsi. Sebagai buktinya, mata wang tadi telah disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah sebagai mata wang utama yang digunapakai dalam pembayaran zakat, pertukaran barangan, pembayaran denda pembunuhan (*diyat*), mas kahwin dan sebagainya. Ini semua adalah bukti yang konkrit bahawa mata wang dinar dan dirham mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Islam. Ia berperanan sebagai elemen utama yang telah memakmurkan dan memberi keadilan kepada sistem ekonomi sejagat.

3.3.1 PENGGUNAAN DINAR DALAM AL-QURAN

Penggunaan mata wang dinar dan dirham berasaskan dwilogam yang bernilai iaitu emas dan perak mempunyai kaitan yang rapat dengan beberapa hukum syarak yang berhubung dengan kedua-duanya. Ini menunjukkan bahawa emas dan perak merupakan dua mekanisme utama yang diiktiraf sebagai mata wang dalam Islam. Walaupun hanya terdapat beberapa ayat sahaja yang membicarakan tentang penggunaan dinar dan dirham dalam al-Quran, namun ianya sudah cukup untuk membuktikan betapa peri penting penggunaannya sebagai mata wang yang diakui oleh Islam.

وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُودِّهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ
بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ فَإِنَّمَا ذَلِكَ بَالُهُمْ قَالُوا تَسْ عَلَيْنَا فِي
الْأَمِينِ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ •

Surah Āli-'Imrān (3): 75.

Maksudnya :

"Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: "Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang Ummi dan, mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta)."

Ayat ini menggambarkan suasana ekonomi sekarang yang mana ianya didominasi sepenuhnya oleh golongan Yahudi, yang sentiasa menindas orang-orang Islam dalam apa saja kegiatan ekonomi mereka melalui riba, spekulasi dan manipulasi mata wang, yang menyebabkan ekonomi negara kita jatuh merudum

akibat daripada amalan spekulator yang ingin menjatuhkan ekonomi sesebuah negara dengan cara penipuan dalam penggunaan mata wang. Oleh yang demikian, suasana sedemikian boleh diatasi dengan cara penggunaan mata wang yang tidak bergantung kepada dolar AS serta disandarkan kepada emas dan perak seperti mata wang dinar dan dirham.

2- Firman Allah S.W.T menceritakan tentang nabi Yusuf a.s :

● **وَشَرَوْهُ بِثَمَنٍ بَخْسٍ دَرَاهِمَ مَعْدُودَةٍ وَكَانُوا فِيهِ مِنَ الزَّاهِدِينَ**

Surah Yūsuf (12): 20.

Maksudnya :

“Dan (setelah berlaku perundingan) mereka menjualnya dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham sahaja bilangannya; dan mereka adalah orang-orang yang tidak menghargainya.”

Di dalam ayat ini juga menunjukkan mata wang yang diguna-pakai oleh komuniti masyarakat pada zaman nabi Yusuf a.s ialah dirham kerana menurut ayat tersebut nabi Yusuf a.s telah dijual dengan harga yang begitu murah iaitu dengan beberapa dirham sahaja. Ini membuktikan dinar adalah transaksi utama pada masa itu dalam proses perdagangan mereka. Tegasnya, penggunaan mata wang dinar sudah begitu lama dan disebut di dalam al-Quran sendiri sebagai bukti peranannya begitu besar dalam aktiviti ekonomi masyarakat pada masa itu.

وَكَذَلِكَ بَعَثْنَاهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ قَالَ قَائِلٌ مِنْهُمْ كَمْ لَبِثُمْ قَالُوا لَبِثْنَا يَوْمًا
أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُمْ فَأَنْعَمُوا أَحَدُكُمْ بِرَرِّكُمْ هَذِهِ إِلَى
الْمَدِينَةِ فَلْيَنْتَظِرُوا أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ
بِكُمْ أَحَدًا ●

Surah al-Kahfi (18): 19.

Maksudnya :

"Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanyaan sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (Sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih menengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di

bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapaapun menyedari akan hal kamu."

Ayat ini datang dengan kalimah *wariq* (ورق) yang membawa maksud dirham yang diperbuat daripada perak, iaitu mata wang yang digunakan pada masa itu.⁹ Dalam konteks ini, mata wang yang digunakan oleh masyarakat pada masa itu dalam transaksi mereka adalah dirham yang diperbuat daripada perak.

4- Firman Allah S.W.T lagi :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ

الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

●

Surah al-Nisā'(4): 59

Maksudnya :

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah

dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri"

(orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian

⁹ Jalāl al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr al-Suyūṭī (t.t), *Tafsīr al-Jalālain*, Beirut : Dār al-Ma'rīfah, h. 383, *al-Muntakhab Fī Tafsīr al-Qurān al-Karīm* (1995), Kaḥerah : al-Majlis al-A'lā Li al-Syū'ūn al-Islāmiyyah, h. 429, 'Abd al-Karīm al-Zaidān (1997), *al-Mustafād Min Qaṣaṣ al-Qurān Li al-Da'wah Wa al-Du'āt*, j. 1, Beirut : Muassasah al-Risālah, h. 562, Sulaimān ibn 'Umar al-'Ujailī al-Syāfi' al-Syahr Bi al-Jamal (1996), *al-Futūḥāt al-Ilāhiyyah*, j. 4, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 404.

jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

Di dalam kitab tafsir al-Qurṭubī, Sahl ibn 'Abd. Allah al-Tustarī menyatakan tentang ketaatan kepada pemerintah mempunyai kaitan rapat dengan tujuh perkara, iaitu penempatan dinar dan dirham, penetapan berat dan ukuran, penghakiman, hukum hakam yang berkaitan dengan haji, jumu'ah (*sembahyang Jumaat*), hari raya (*puasa dan korban*) dan jihad.¹⁰

5- Firman Allah S.W.T lagi :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ

بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا

يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ •

• Surah al-Taubah (9): 34.

¹⁰ Abū 'Abd. Allah Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1999), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, j. 3, Beirut : Dār al-Fikr, h. 1491.

Maksudnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli ugama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (ugama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya."

Perkataan al-dhahab (الذهب) dan al-Fiḍḍah (الفضة) di dalam ayat di atas ialah dinar emas dan dirham perak yang merupakan dua mekanisme utama dalam proses pengeluaran zakat.¹¹ Di dalam ayat ini juga Allah S.W.T mendatangkan perkataan al-kanz (الكنز) yang membawa erti menyimpan harta; iaitu menyimpan dinar dan dirham tanpa mengeluarkan zakat.¹² Ia bersifat lebih umum daripada mata wang (*al-Naqdayn*), iaitu dinar dan dirham.¹³

Tegasnya, berdasarkan kepada perkataan-perkataan tersebut nyatalah kepada kita bahawa mata wang Islam ialah bersandarkan kepada emas dan perak, iaitu dinar dan dirham. Islam juga tidak menghadkan pengumpulan harta dan

¹¹ *Ibid*, h. 357.

¹² Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Tafsīr al-Wajīz Wa Mu'jam Ma'ānī al-Qurān al-'Azīz*, c. 2, Damsyik : Dār al-Fikr, h. 193. Muḥammad Rasyīd Riḍā (1999), *Tafsīr al-Qurān al-Ḥakīm al-Masyhūr Bi Tafsīr al-Manār*, j. 11, h. 112, *al-Muntakhab Fī Tafsīr al-Qurān al-Karīm* (1995), *op.cit*, h. 264.

¹³ Sulaymān ibn 'Umar al-'Ujaylī al-Syāfi'ī al-Syahr Bi al-Jamal (1996), *op.cit*, 250.

kekayaan, dan boleh memiliki sebanyak mana kekayaan yang ia mahu asalkan ia daripada sumber yang halal dan tidak membekukan kekayaan yang ia miliki.

3.3.2 PENGGUNAAN DINAR DALAM AL-SUNNAH

Selain daripada al-Quran, penggunaan dinar dan dirham juga terdapat dalam sumber kedua perundangan Islam iaitu al-Sunnah. Penggunaan mata wang dinar dan dirham ini bersangkut paut dengan hukum syarak seperti hukum mengeluarkan zakat terhadap emas dan perak sebagai mata wang, hukum diyat, hukum potong tangan terhadap pencuri dan hukum pertukaran mata wang. Kesemua hukum-hukum yang tersebut telah ditentukan oleh al-Sunnah dalam bentuk dinar dan dirham sebagai media pengukur utama.¹⁴

- 1- Zakat emas dan perak, nilai barangan dan upah kerja dinilai dalam sebutan dinar emas dan dirham perak sebagaimana sabda nabi S.A.W¹⁵:

¹⁴ 'Abd al-Qadīm Zallūm (1983), *al-Amwāl Fī Dawlah al-Khilāfah*, Beirut : Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn, h. 207.

¹⁵ Aḥmad ibn 'Alī ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1997), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Zakāt, Bāb Zakāt al-Wariqī, no. hadith 1447 dan Bāb Laisa Fīmā Dūna Khamsati Awsuqin Ṣadaqah, no. hadith 1484, Muḥyi al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥya ibn Syaraf al-Nawāwī (1999), *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāt, no. hadith 979, Abū Dāwud Sulaymān al-Asy'ath al-Sijistānī (1998), *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Mā Tajibu Fīhi al-Zakāt, no. hadith 1558. Abū al-'Ulā Muḥammad 'Abd. al-Raḥmān Ibn. 'Abd. al-Raḥīm al-Mubārakfūrī (1995), *Tuḥfah al-Aḥwazi Bisyarḥ Jāmi' al-Tirmizī*. Kitāb al-Zakāt, Bāb Mā Jā'a Fī Ṣadaqah al-Zar'i Wa al-Thamarī Wa al-Ḥubūbī, no. hadith 626, Muḥammad ibn. 'Abd. al-Bāqī ibn. Yūsuf al-Zurqānī (1996), *Syarḥ al-Zurqānī 'Alā Muwaṭṭa' al-Imām Mālik*. Kitāb al-Zakāt, Bāb Mā Tajibu Fīhi al-Zakāt, no. hadith 578, Muḥammad ibn. 'Alī ibn. Muḥammad al-Syawkānī (1994), *Nail al-Auṭār Syarḥ Muntaqa al-Akḥbār Min Aḥādīth Sayyidi al-Akhyār*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Zakāt al-Dhahab Wa al-Fiḍḍah, no. hadith 1544, Muḥammad Fu'ad 'Abd. al-Bāqī (1997), *al-Lu'Lu' Wa al-Marjān Fīma Ittafaqa 'Alaihi al-Sayyikhān*. Kitāb al-Zakāt, no. hadith 567, Mullā 'Alī al-Qārī (1994), *Mirfāt al-Mafāriḥ Syarḥ Misykāt al-Maṣābiḥ*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Mā Yajibu Fīhi al-Qaṭ', no. hadith 1794, Abū Bakr 'Abd. al-Razzāq ibn Hammām (1983), *al-Muṣannif*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Laisa Fīmā Dūna Khamsati Awsuqin Ṣadaqah, no. hadith 7249.

حَدِيثُ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَيْسَ فِيمَا دُونَ خُمْسَةِ أَوْسُقٍ صَدَقَةٌ وَلَا فِيمَا دُونَ خُمْسٍ ذَوْدٌ صَدَقَةٌ وَلَا فِيمَا دُونَ خُمْسٍ أَوْاقٍ صَدَقَةٌ .

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a: Nabi s.a.w bersabda: Hasil bumi yang kurang dari lima wasaq iaitu gantang, tidak diwajibkan zakat. Unta yang kurang dari lima ekor, tidak diwajibkan zakat. Perak yang kurang dari lima uqiah (satu uqiah adalah sama dengan 40 dirham perak), tidak diwajibkan zakat.

Hadis di atas menyatakan kadar yang wajib dikenakan zakat pada perak, manakala kadar zakat emas pula tidak ada ¹⁶ hadis yang kuat dan masyhur dalam menentukan kadarnya sebagaimana hadis zakat perak, dengan demikian zakat emas tidak diwajibkan secara ijmak sebagaimana yang berlaku terhadap zakat perak, melainkan *Jumhur* ulama berpendapat bahawa kadar yang wajib bagi emas ialah dua puluh dinar.¹⁶ Antara ¹⁷ hadith yang menjadi dalil kewajipan mengeluarkan zakat emas ialah ¹⁷:

¹⁶ Yūsuf 'Abd Allah al-Qarāḍī (1999), *Fiqh al-Zakāt*, Beirut : Muassasah al-Risalah, h. 247.

¹⁷ Muḥammad ibn Yazīd Abī 'Abd. Allah ibn Mājah al-Qazwīnī (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Zakāt, Bāb Zakāt al-Wariq Wa al-Dhahab, h. 547.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ وَعَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْخُذُ مِنْ كُلِّ عَشْرِينَ دِينَارًا فَصَاعِدًا نِصْفَ دِينَارٍ وَمِنْ الْأَرْبَعِينَ دِينَارًا دِينَارًا.

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada Sayyidatina 'Aisyah r.a. Bahawasanya nabi S.A.W mengambil pada setiap dua puluh dinar dan lebih sebanyak separuh dinar dan daripada empat puluh dinar satu dinar (sebagai zakat).

Ini menunjukkan kadar wajib zakat yang cukup nisabnya seperti 20 dinar, diwajibkan setengah dinar, manakala bagi 40 dinar pula ialah satu dinar..

Sabda nabi S.A.W juga¹⁸:

وَعَنْ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا

كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ وَحَالَ عَلَيْهِمَا الْحَوْلُ فَفِيهَا خَمْسَةُ دِرْهَمٍ ، وَلَيْسَ

عَلَيْكَ شَيْءٌ يَعْنِي فِي الذَّهَبِ حَتَّى يَكُونَ لَكَ عَشْرُونَ دِينَارًا ، فَإِذَا كَانَتْ

لَكَ عَشْرُونَ دِينَارًا وَحَالَ عَلَيْهِمَا الْحَوْلُ فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ.

¹⁸ al-Syawkānī (1994), *Nail al-Auṭār Syarḥ Muntaqa al-Akḥbār Min Aḥādīth Sayyidī al-Akhyār*, op.cit, no. ḥadīth 1545.

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada sayyidina 'Ali ibn Abi Talib, nabi S.A.W telah bersabda : Apabila kamu mempunyai dua ratus dirham dan telah sampai tempoh (haul) padanya dikenakan lima dirham, dan tidak dikenakan apa-apa (emas) sehingga kamu mempunyai dua puluh dinar dan dikenakan sebanyak separuh dinar apabila mencukupi tempohnya.

- 2- Penggunaan mata wang dinar dan dirham juga termasuk dalam hukuman *diyāt*¹⁹ dengan kadar seribu dinar bagi emas dan dua belas ribu dirham bagi perak.²⁰ Sabda nabi S.A.W²¹ :

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَتَلَ رَجُلٌ رَجُلًا عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دِيَّتَهُ اثْنَيْ عَشَرَ أَلْفًا.

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas r.a berkata, seorang lelaki telah membunuh pada zaman nabi S.A.W, dan nabi S.A.W telah mengenakan diyat kepadanya sebanyak dua belas ribu (dirham).

¹⁹ Diyāt ialah denda yang dikenakan kerana perbuatan membunuh. (Lihat Qutb Mustafā Sānū (2000), *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*, Damsyik : Dār al-Fikr, h. 210). Ia juga merupakan denda yang wajib dikenakan kerana melakukan jenayah terhadap jiwa, pada asalnya denda tersebut daripada unta ataupun nilainya sebagai ganti. (Lihat Muṣṭafā al-Khin (1996), *al-Fiqh al-Manhajī*, j. 3, Damsyik-Ḥalbūnī : Dār al-'Ulūm al-Insāniyyah, h. 401).

²⁰ Abd. al-Qadīm Zallūm (1983), *op.cit*.

²¹ Abū Dāwud Sulaymān al-Asy'ath al-Sijistānī (1998), *Sunan Abī Dāwud, op.cit*, Kitāb al-Diyāt, Bāb al-Diyāt Kam Hiya, no. hadith 4546, Abū al-'Ula Muhammad 'Abd. al-Rahmān Ibn. 'Abd. al-Rahīm al-Mubārakfūrī (1995), *Tuhfah al-Aḥwazī Bisyarh Jāmi' al-Tirmizī, op.cit*, Kitāb al-Diyāt, Bāb Mā Jā'a Fi al-Diyāt Kam Hiya Min al-Darāhim, no. hadith 1388,

- 3- Penentuan kadar potong tangan bagi pencuri juga ditetapkan berdasarkan dinar emas, iaitu sebanyak $\frac{1}{4}$ dinar. Jika kadar yang dicuri itu seperempat dinar atau lebih, maka diwajibkan baginya had potong tangan.

Sabda nabi S.A.W ²²:

حَدِيثُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ يَقْطَعُ السَّارِقَ فِي رُبْعِ دِينَارٍ فَصَاعِدًا.

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah r.a katanya: Rasulullah

s.a.w memotong tangan seseorang yang mencuri harta sebanyak

satu perempat dinar ke atas.

Sabda nabi S.A.W lagi ²³:

²² Ibn Hajar al-'Asqalanī (1997), *op.cit*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb 13, no. hadith 6789, al-Nawāwī (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim Biṣyarḥ al-Nawāwī*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Ḥad al-Sariqah Wa Niṣābuhā, no. hadith 1684, Abū Dāwūd Sulaimān al-Asy'ath al-Sijistānī (1998), *Sunan Abī Dāwūd*, *op.cit*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Mā Yuqṭa'u Fīhi al-Sāriq, no. hadith 4383, Abū al-'Ulā Muhammad 'Abd. al-Rahmān Ibn. 'Abd. al-Rahīm al-Mubārakfūrī (1995), *op.cit*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Mā Jā'a Fī Kam Tuqṭa' Yadu al-Sāriq, no. hadith 1446, Aḥmad 'Abd al-Rahmān al-Bannā (t.t.), *al-Fath al-Rabbānī Tarṭīb Musnad al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal al-Syaybānī*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Lu'ina al-Sāriq Wa Fī Kam Tuqṭa' Yadahu, no. hadith 284, al-Zurqānī (1996), *op.cit*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Mā Yajibu Fīhi al-Qaṭ'u, no. hadith 1619, Muhammad Ibn. 'Alī Ibn. Muhammad al-Syaukānī (1994), *op.cit*, Kitāb al-Qaṭ'u Fī al-Sariqah, Bāb Mā Jā'a Fī Kam Yuqṭa' Yadu al-Sāriq, no. hadith 3130, Abū Bakr Aḥmad ibn al-Ḥusain ibn 'Alī al-Baihaqī (t.t.), *al-Sunan al-Kubrā*, Kitāb al-Sariqah, Bāb Mā Yajibu Fīhi al-Qaṭ', no. hadith 17641.

²³ Ibn Hajar al-'Asqalanī (1997), *op.cit*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb 13, no. hadith 6793, al-Nawāwī (1995), *op.cit*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Ḥad al-Sariqah Wa Niṣābuhā, no. hadith 1685, al-Mubārakfūrī (1995), *ibid*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Mā Jā'a Fī Kam Tuqṭa' Yadu al-Sāriq, no. hadith 1446, al-Zurqānī (1996), *ibid*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Mā Yajibu Fīhi al-Qaṭ'u, no. hadith 1617.

حَدِيثُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : لَمْ تُقَطَّعْ يَدُ سَارِقٍ فِي عَهْدِ رَسُولِ
 اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَقَلِّ مِنْ ثَمَنِ الْمِجَنِّ حَجَفَةٍ أَوْ ثُرْسٍ
 وَكِلَاهُمَا ذُو ثَمَنِ.

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah r.a katanya: Pada zaman Rasulullah s.a.w, baginda tidak akan memotong tangan seseorang yang mencuri kurang dari harga sebuah perisai dan sebuah perisai kulit, sedangkan kedua-duanya berharga.

- 4- Hukum-hukum yang bersangkutan dengan pertukaran mata wang juga menjadikan emas dan perak sebagai mekanisme utama dalam proses pertukaran sebagaimana sabda nabi S.A.W²⁴ :

حَدِيثُ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
 عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُشِفُوا بَعْضَهَا

²⁴ Ibn Hajar al-'Asqalānī (1997), *ibid*, Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' al-Fiḍḍah Bi al-Fiḍḍah, no. hadith 2177, al-Nawāwī (1999), *Syarah Ṣaḥīḥ Muslim, op.cit*, Kitāb al-Musāqāt Wa Al-Muzāra'ah, Bāb al-Ribā, no. hadith 1584, al-Mubārakfūrī (1995), *Tuḥfah al-Aḥwazī Bisyarḥ Jāmi' al-Tirmizī, ibid*, Kitāb al-Buyū', Mā Jā'a Fi al-Ṣarf, no. hadith 1241, al-Zurqānī (1996), *Syarah al-Zurqānī 'Alā Muwaṭṭā' al-Imām Mālik, ibid*, Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' al-Dhahab Bi al-Fiddah Tībran Wa 'Ainan, no. hadith 1361, Muḥammad ibn Ismā'īl al-Kahlānī Thumma al-Ṣan'anī (1998), *Subul al-Salām Syarah Bulūgh al-Marām Jam' Adillah al-Aḥkām*, Bāb al-Ribā, no. hadith 852.

عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا الْوَرِقَ بِالْوَرِقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ وَلَا تُشِفُوا بَعْضَهَا عَلَى
بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ .

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri r.a katanya: Bahawa Rasulullah s.a.w pernah bersabda: Janganlah kamu menjual emas dengan emas (mata wang) kecuali sama jumlahnya serta janganlah melebihi sebahagiannya. Kemudian janganlah kamu menjual perak dengan perak kecuali sama jumlahnya serta jangan melebihi sebahagiannya dan janganlah menjualnya dengan cara sebahagian secara tunai dan sebahagian lagi ditangguhkan.

Sabda nabi S.A.W lagi ²⁵:

حَدِيثُ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ عَنِ الْفِطَّةِ بِالْفِطَّةِ وَالذَّهَبِ بِالذَّهَبِ إِلَّا سَوَاءً بِسَوَاءٍ وَأَمَرَنَا أَنْ
نَشْتَرِيَ الْفِطَّةَ بِالذَّهَبِ كَيْفَ شِئْنَا وَنَشْتَرِيَ الذَّهَبَ بِالْفِطَّةِ كَيْفَ شِئْنَا
قَالَ فَسَأَلَهُ رَجُلٌ فَقَالَ يَدَا يَدَا فَقَالَ هَكَذَا سَمِعْتُ .

²⁵ Ibn Hajar al-‘Asqalāni (1997), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣāḥīḥ al-Bukhārī, op.cit.*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Bay’ al-Dhahab Bi al-Dhahab, no. hadith 2175, 2182. al-Nawāwī (1999), *Syarḥ Ṣāḥīḥ Muslim, ibid*, Kitāb al-Musāqāt Wa al-Muzāra‘ah, Bāb al-Nahy ‘An Bay’ al-Wariqi Bi al-Dhahab Daynan, no. hadith 1590.

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada Abu Bakrah r.a katanya: Rasulullah s.a.w telah melarang dari penukaran perak dengan perak, emas dengan emas, kecuali sama jumlahnya. Baginda menyuruh kami agar membeli perak (dibayar) dengan emas menurut kehendak kami dan membeli emas (dibayar) dengan perak menurut kehendak kami. Seorang lelaki bertanya kepada baginda: Terus diserahkan dan diterima? Abu Bakrah berkata: Demikianlah yang aku dengar.

Islam telah mengaitkan banyak hukum-hukum syarak bersangkutan dengan emas dan perak yang dianggap sebagai mata wang, seperti nilai sesuatu barangan. Ini diakui oleh Rasulullah S.A.W sendiri bahawa emas dan perak digunakan sebagai mata wang dan transaksi utama dalam nilai sesuatu barang. Ini menunjukkan bahawa mata wang utama yang diperakukan oleh Islam ialah emas dan perak, iaitu dinar dan dirham kerana semua hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan mata wang diadaptasikan dengan emas dan perak.²⁶

- 5- Rasulullah S.A.W juga telah menetapkan emas dan perak sebagai wang dan standard wang. Sabda nabi S.A.W ²⁷:

²⁶ 'Abdul Qadīm Zallūm (1983), *op.cit* h. 208.

²⁷ Abū Dāwūd Sulaymān Ibn. al-Asy'ath al-Sijistānī (1999), *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Buyū', no. Hadith 3340, Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-'Azīm Abādī (1995), *'Aun al-Ma'būd Syarḥ Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Buyū', Bāb Fī Qauli al-Nabiyy "al-Mikyāl Mikyāl al-Madīnah" no. hadith 3338, Nūr al-Dīn 'Alī ibn Abī Bakr al-Haitamī (1994), *Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, Kitāb al-Buyū', Bāb Fī al-Kaili Wa al-Wazn, no. Hadith 6337, Abū Muḥammad al-Ḥusain b. Mas'ūd al-Bughāwī (1998), *Syarḥ al-Sunnah*, Kitāb al-Buyū', Bāb al-Mikyāl Wa al-Mizān, no. hadith 2063.

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا ابْنُ ذَكْوَانَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ حَنْظَلَةَ عَنْ

طَاوُسٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْوَزْنُ وَزْنُ

أَهْلِ مَكَّةَ وَالْمَكِّيَّاتُ مِكْيَالُ أَهْلِ الْمَدِينَةِ.

Maksudnya :

Diriwayatkan daripada ibnu 'Umar r.a : Rasulullah S.A.W telah bersabda sesuatu sukatan itu menurut sukatan penduduk Makkah dan timbangan pula menurut penduduk Madinah.

Pada zaman Rasulullah S.A.W telah masyhur penggunaan mata wang dinar dan dirham sebagai transaksi utama dan telah menjadi mata wang yang diperakui oleh Islam. Standard mata wang pada zaman nabi S.A.W disebut dalam berbagai bentuk seperti 'Uqiyah, dinar, dirham, dāniq, qīrāt dan mithqāl. Oleh sebab itulah nabi S.A.W telah menjadikan sukatan dan timbangan berdasarkan penduduk Mekah dan Madinah kerana unit sukatan bagi kedua-dua tempat ini adalah standard dalam penggunaan mata wang dalam semua urusan transaksi mereka.

Oleh yang demikian, jelaslah bagi kita apabila sesuatu perkara itu mendapat pengiktirafan daripada nabi Muhammada S.A.W, ianya menunjukkan perkara itu mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang tersendiri. Tegasnya, mata wang dinar dan dirham mempunyai kelebihan yang berbeza

daripada mata wang lain kerana ianya telah menjadi mata wang turun-temurun yang telah banyak membawa kemajuan dan ketamadunan umat Islam dari aspek ekonomi dan sebagainya. Ini kerana dinar dan dirham merupakan mata wang yang stabil dan tidak mudah untuk dispekulasikan oleh para spekulator mata wang.

3.4 PENDAPAT ULAMA TENTANG MATA WANG ISLAM

Terdapat banyak pandangan dan pendapat ulama mengenai mata wang Islam. Walaupun mereka tidak menyebut dalam kitab-kitabnya secara langsung mata wang dinar dan dirham, tetapi perkataan *al-naqd* ataupun *al-nuqūd* digunakan sebagai simbolik kepada dinar dan dirham.²⁸

3.4.1 Imam al-Ghazālī²⁹:

Imam al-Ghazālī menyatakan bahawa Allah S.W.T telah menjadikan dinar dan dirham sebagai pengadil dan perantaraan di antara semua harta, sehingga semua harta benda diukur dengan menggunakannya.³⁰ Dalam masalah ini beliau menyatakan dalam kitabnya *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* :

²⁸ Syams al-Dīn Muḥammad ibn al-Khaṣīb al-Syurbīnī (1998), *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rifaṭ Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, j. 2, Beirut : Dār al-Fikr, h. 34, Syihāb al-Dīn Aḥmad ibn Hajar al-Haythamī (1997), *Ḥawāṣyī al-Syeikh 'Abd. Al-Ḥāmid al-Syarwānī Wa al-Syeikh Aḥmad Qāsim al-'Ibādī 'Alā Tuhfat al-Muḥtāj Bisyarḥ al-Muḥtāj*, j. 4, Beirut : Dār al-Fikr, h. 307, Syams al-Dīn ibn Quddāmah al-Muqaddisī (t.t.), *al-Mughnī Wa al-Syarḥ al-Kabīr*, j. 2, Beirut : Dār al-Fikr, h. 596.

²⁹ Imam al-Ghazālī ialah Muḥammad ibn Muḥammada ibn Muḥammad ibn Aḥmad Abū Ḥāmid al-Ṭūsī al-Ghazālī. Dilahirkan di tempat yang bernama Tus pada tahun 450 Hijrah. Beliau digelar dengan Hujjah al-Islam kerana keilmuannya yang tinggi dalam pelbagai disiplin ilmu. Kitab karangannya yang masyhur ialah *Ihyā' Ulum al-Din*, dan antara kitab-kitab lain karangannya termasuklah *al-Bāṣīt*, *al-Wāṣīt*, *al-Wajīz*, *al-Khilāṣah*, *al-Mustafā*, *al-Mankhūl* dan sebagainya lagi. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin 14 Jamadil Akhir tahun 505 Hijrah (Lihat 'Aṭīyyah Saqr (1994), *Aḥsan al-Kalām Fī al-Fatāwā Wa al-Aḥkām*, j. 6, c. 2. Kaherah : Dār al-Ghad al-'Arabī, h. 42-45).

³⁰ al-Ghazālī (1993), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, j. 4, c. 2. Beirut : Dār al-Khair, h. 347.

"Allah S.W.T menjadikan dinar dan dirham untuk menjadi penilai dan perantara di kalangan semua manusia sehingga sesuatu barangan dapat dinilai oleh alat pertukaran itu. Umpamanya seekor unta yang berhatga seratus dinar, sama dengan nilai za'farān³¹ iaitu seratus dinar. Kedua-dua barangan itu mempunyai nilai yang sama kerana harganya serupa dan keduanya dijadikan oleh Allah S.W.T di muka bumi ini untuk ditukar ganti oleh manusia dan juga boleh dinilai dengan barangan lain dengan adil. Oleh itu, Allah S.W.T menjadikan barangan tersebut dengan hikmat lain iaitu untuk menjadi alat penyambung kepada barangan lain kerana keduanya adalah barangan berharga, bukan tujuan kedua-dua barangan itu sebagai satu barangan seperti terjadi dalam wang".³²

Imam al-Ghazālī juga menyatakan bahawa sistem pertukaran melalui barter tidak sesuai kerana susah untuk mencari kehendak serentak. Ini memerlukan kepada satu mekanisme yang adil sebagai alat pengukur untuk sesuatu barangan, dan alat pengukur itu perlulah sesuatu yang kekal. Oleh yang demikian, mata wang daripada emas dan perak adalah paling sesuai menurut spesifikasi tersebut.³³

³¹ Za'farān ialah sejenis bau-bauan yang berasal daripada sejenis pokok.

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*, j. 3, h. 397.

3.4.2 Ibnu Khaldūn³⁴:

Ibnu Khaldūn pula dalam kitabnya *al-Muqaddimah* menyatakan bahawa mata wang merupakan alat simpanan nilai, dan Allah S.W.T menciptakan dua logam bernilai daripada emas dan perak sebagai pengukur nilai bagi semua barang yang berharga.³⁵ Beliau juga mengaitkan kepentingan dinar emas dan dirham perak kepada perkara-perkara seperti zakat, perkahwinan dan penghakiman yang berkaitan dengan hudud.³⁶ Wang mempunyai keistimewaan yang tersendiri, iaitu kemantapan dan keteguhan kewangan³⁷ sebagaimana katanya :

"Sekiranya dimiliki juga sesuatu bahan yang lain (daripada emas dan perak) dalam beberapa ketika tertentu, maka keadaan itu bertujuan untuk mendapatkan kedua-duanya (emas dan perak) dengan menggunakan bahan-bahan yang lain dalam pasaran ketika kedua-dua bahan itu tidak dapat diperolehi".³⁸

Wang juga berfungsi sebagai alat perantaraan pertukaran kerana ia merupakan harga bagi sesuatu barang yang boleh dijadikan wang, dan juga berfungsi sebagai penyimpan nilai kerana emas dan perak merupakan bahan

³⁴ Nama sebenar Ibnu Khaldun ialah 'Abd al-Rahmān ibn Muḥammad Ibnu Khaldūn al-Ḥaḍramī. Beliau dilahirkan di Tunis pada tahun 732 H iaitu bersamaan dengan 1332 M. Keturunan asal beliau ialah daripada Andulusi Asybili. Beliau banyak menuntut ilmu dengan sebahagian besar ulama daripada Andalusia yang berhijrah ke tunis. Meninggal dunia pada tahun 808 H bersamaan dengan 1406 M. (Lihat 'Abd al-Rahmān ibn Muḥammad Ibnu Khaldūn al-Ḥaḍramī (1996), *Muqaddimah al-'Allamah Ibnu Khaldūn*, c. 3, Beirut : Dār al-Fikr, h. 3).

³⁵ Ibnu Khaldūn (1988), *al-Muqaddimah*, c. 2, Beirut : Dār al-Fikr, h. 478.

³⁶ Sila lihat http://www.geocities.com/zek_my/news1/ut317.html, 12 Ogos 2002.

³⁷ Muḥammad 'Abd. al-Mun'im al-Jammāl (1992), j. 2, *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, op.cit, h. 513.

³⁸ Ibnu Khaldūn (1996), op.cit, h. 476.

simpanan yang sebenar dan harta perolehan untuk seluruh penghuni dunia ini umumnya.³⁹

Dalam hal ini menunjukkan bahawa pemikiran Ibnu Khaldun telah mendahului pakar-pakar ekonomi semasa yang menganggap bahawa mata wang yang paling berpotensi dan relevan pada setiap masa dalam mengimbangi kestabilan ekonomi ialah mata wang yang diperbuat daripada dua logam yang paling bernilai iaitu emas dan perak. Ini kerana kedua-duanya memang secara semulajadi ciptaannya melebihi daripada logam-logam lain. Dengan bersandarkan kepada kedua-dua logam ini, ianya dapat memajukan perdagangan kerana para pelabur tidak akan ragu-ragu untuk melabur kerana sudah mengetahui ketetapan nilai mata wang, dan tidak akan menanggung risiko kerugian dalam pelaburan mereka.

3.4.3 Ibnu Taymiyyah⁴⁰:

Wang sebagaimana yang ditakrifkan oleh Ibnu Taymiyyah adalah sebagai dinar dan dirham yang memang dikenali secara semulajadinya dari segi adat dan istilah tanpa merujuk kepada syarak. Oleh itu kedua-duanya adalah bernilai, berbeza

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Nama asal Ibn Taymiyyah ialah Ahmad Taqiuddīn bin Abd. al-Halīm bin 'Abd. al-Salām bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin Khaiḍir bin 'Ali bin 'Abd. Allah. Beliau terkenal dengan panggilan "ibnu Taymiyyah" bersempena dengan nama keluarganya. Beliau dilahirkan pada 10 Rabi'ul Awwal tahun 661 Hijrah bersamaan dengan 22 Januari 1263 Masehi, di bandar Harran yang terletak di utara Syria. Setelah berumur tujuh tahun beliau dan keluarganya telah berpindah ke Damsyik kerana lari dari serangan tentera Tatar. Beliau juga terkenal sebagai ulama Usuluddin, Feqah, Tafsir, Hadith dan sebagainya. Antara kitab-kitab karangan beliau yang masyhur ialah Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyyah Fi Naqd Kalām al-Syī'ah Wa al-Qadariyyah, al-Sārim al-Maslūl 'alā Syātim al-Rasūl dan kitab al-Nubuwwāt. Setelah berjuang lebih daripada 30 tahun, beliau meninggal dunia ketika berusia 65 tahun dalam penjara pada malam Isnin 20 Zulq'edah 728 H, bersamaan dengan September 1328 M. Jenazahnya disembahyangkan oleh kira-kira 500,000 orang, mereka mengikutinya ke tanah perkuburan al-Sufiyya di sebuah taman kecil dalam kampus Universiti Damsyik di Syria. (Lihat *Ensiklopedia Islam* (1998), j. 5, Kuala Lumpur : Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad, h. 15-17).

dengan benda-benda lain. Wang hanya mempunyai nilai apabila digunakan dalam pertukaran muamalah sahaja.⁴¹

3.4.4 Ibnu Qayyim al-Jawziyyah⁴²:

Dinar dan dirham adalah pengukur harga bagi barangan, harga adalah pengukur bagi menilai harta, maka wajiblah pengukur itu sesuatu yang tertentu serta tidak naik dan turun. Jika mata wang itu terdedah kepada turun dan naik nilainya sebagaimana komoditi, maka semuanya adalah komoditi bukannya mata wang.⁴³ Menurut pandangan Ibnu Qayyim, mata wang bukannya sebagai komoditi kerana jika mata wang itu dijadikan komoditi, ia akan terdedah kepada kejatuhan nilai sebagaimana yang berlaku kepada mata wang kertas sekarang.

3.4.5 Ibnu Rusyd⁴⁴

Oleh kerana berlaku kepayahan dan kesusahan dalam mencari persamaan nilai pada barangan yang pelbagai, dinar dan dirham dijadikan pengukur nilai bagi pelbagai barangan itu. Apabila seseorang itu menjual kuda sebagai tukaran untuk mendapatkan pakaian; sekiranya nilai bagi kuda itu lima puluh maka perlulah juga

⁴¹ Ibn. Taymiyyah (1999), *Majmū' Fatāwā Ibn. Taymiyyah*, j. 19, Riyadh : Maṭābi' al-Riyāḍ, h. 251-252.

⁴² Nama sebenar beliau ialah Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Ayyūb ibn Sa'd ibn Ḥārīz al-Zar'ī al-Damṣyīqī, dilahirkan pada 7 Safar tahun 691 H dalam keluarga yang berilmu dan bertaqwa. Beliau banyak mengarang buku antaranya yang masyhur ialah *Zād al-Ma'ād*, *I'lām al-Muwaqqi'in* dan *Tahzīb Sunan Abī Dāwūd*. Beliau juga merupakan anak murid kepada Ibnu Taymiyyah, meninggal dunia pada malam Khamis 23 haribulan Rajab 771 H. (Lihat biodata Ibnu Qayyim dalam Syamsuddīn Abī 'Abd Allah Muḥammad ibn Abī Bakr al-Zar'ī al-Damṣyīqī (1998), *Zād al-Ma'ād Fi Hadyi Khair al-Tbād*, c. 2, j. 1, Beirut : Dār al-Fikr, h. Pengenalan).

⁴³ Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (1991), *I'lām al-Muwaqqi'in*, j. 2, Beirut : Dār al-Kutub Al-'Ilmiyyah, h. 105.

⁴⁴ Ibnu Rusyd ialah Abū al-Wālid Muḥammad bin Aḥmad berasal daripada keturunan bangsa Sepanyol. Beliau merupakan seorang ahli falak dan sarjana dalam bidang al-Quran dan Sains tabi'i (Biologi, Fizik, Astronomi dan perubatan). Dilahirkan pada tahun 1126 M di Cordova dan meninggal dunia pada tahun 1198 M Marrakesh. (Lihat *Ensiklopedia Islam* (1998), *op.cit*, h. 4-5).

nilai pakaian itu bersamaan dengan nilai kuda, iaitu lima puluh.⁴⁵ Dalam konteks ini, Ibn Rusyd memberikan penjelasan bahawa mata wang Islam sebagai alat perantaraan dalam proses pertukaran.

3.4.6 Abū 'Ubayd :

Abu 'Ubayd al-Qāsim dalam kitabnya *al-Amwāl* menegaskan bahawa dinar dan dirham adalah pengukur nilai bagi sesuatu barangan dan bukannya barangan itu sebagai pengukur nilai kepada keduanya.⁴⁶ Dirham juga adalah mata wang manusia sepanjang zaman, dan penggunaannya selaras dalam pembayaran zakat mata wang dinar dan dirham adalah bertepatan dengan nilai pembayaran pada zaman Rasulullah S.A.W.⁴⁷ Ini menunjukkan Abu 'Ubayd mengklasifikasikan mata wang dinar dan dirham sebagai alat pengukur nilai dalam proses transaksi yang mempunyai nilai intrinsik daripada zatnya sendiri, kerana bukanlah sesuatu itu pengukur bagi keduanya.

3.4.7 Imam Syeikh Ahmad Syah Walī Allah al-Dahlawī⁴⁸:

Syeikh Walī Allah al-Dahlawī menjelaskan kenapa emas dan perak itu menjadi pilihan sebagai mekanisme utama dalam proses pertukaran barangan kerana

⁴⁵ Ibn Rusyd (1992), *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyah al-Muqtasid*, j. 2, Beirut : Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī, h. 166.

⁴⁶ Abu 'Ubayd al-Qāsim ibn Sallām (1988), *al-Amwāl*, Beirut : Dār al-Fikr, h. 512.

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Nama asal beliau ialah Aḥmad Qutubuddīn bin Abd. al-Rahīm, tetapi dikenali sebagai Syah Wali Allah. Salasilah keturunannya sampai kepada sayyidina 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. beliau dilahirkan pada 4 Syawwal 1114 H bersamaan dengan 10 Februari 1703 M pada hari Rabu di sebuah kampung yang tidak jauh dari Delhi bernama Phalt. Beliau meninggal dunia pada 29 Muharram 1176 H bersamaan dengan 1763 M pada umur 61 tahun. (Lihat Abd. Al-Majid b. Hj. Khatib (1982), *Ajaran Syah Waliyyullah*, c. 2, Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., hlm. 13-16.

kedua-dua logam ini mempunyai sifat yang kekal, iaitu tidak mudah rosak ditelan zaman.⁴⁹ Emas dan perak juga menjadi pilihan kerana sifat fizikalnya yang kecil, persamaan dan manfaat yang besar, serta keduanya merupakan mata wang yang semulajadi, manakala yang lainnya merupakan mata wang secara istilah sahaja.⁵⁰

Ini menunjukkan Syeikh Walī Allāh al-Dahlawī lebih terkehadapan dari segi ekonomi dengan menyatakan bahawa emas dan perak mempunyai nilai intrinsiknya yang tersendiri, yang tidak terdapat pada mata wang selain daripada kedua-dua logam ini.

3.4.8 Sa'Id Hawwā :

Mata wang yang sebenarnya adalah emas dan perak, mata wang kertas dan mata wang lain adalah bermakna harta; samada ianya diperbuat daripada tembaga ataupun sebagainya, ianya tetap dikira harta yang diwajibkan padanya zakat, walaupun pada asalnya zakat diwajibkan pada mata wang yang diperbuat daripada emas dan perak. Ini kerana pada kebiasaannya mata wang kertas dan sebagainya disandarkan kepada emas dan perak, yang mana ianya boleh ditukar kepada emas dan perak pada bila-bila masa.⁵¹

⁴⁹ Ahmad Syah Wali Allāh ibn 'Abd al-Rahīm al-Dahlawī (1995), *Hujjah Allāh al-Bālighah*, j. 1, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 84.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Sa'Id Hawwā (1997), *al-Islām*, c. 3, Kaherah : Dār al-Salām, h. 124.

3.4.9 Syeikh Yūsuf al-Qaradāwī :

Emas dan perak adalah dua jenis logam yang berharga dan diberi keistimewaan yang banyak oleh Allah S.W.T, yang tidak terdapat pada logam-logam lain, dan kerana logam ini susah didapati, kebanyakan daripada masyarakat telah menjadikan keduanya sebagai mata wang utama dan pengukur nilai bagi barangan sejak zaman-berzaman.⁵² Islam juga mengaitkan emas dan perak sebagai mata wang syar'ī yang berkait rapat dengan kebanyakan daripada hukum-hukum syarak sebagaimana dalam hukum riba dan pertukaran.⁵³ Sebahagian lain pula berkaitan dengan mas kahwin dan undang-undang jenayah, seperti penentuan kadar potong tangan bagi pencuri dan pembayaran diyat serta berkaitan dengan hukum zakat.⁵⁴

Oleh hal yang demikian, sistem mata wang Islam yang sebenarnya ialah berdasarkan kepada dua logam utama iaitu dinar dan dirham yang diperbuat daripada emas dan perak. Ini kerana kombinasi dua logam ini telah mendapat pengiktirafan yang istimewa daripada Allah S.W.T di dalam beberapa ayat al-Quran, Sunnah nabi S.A.W dan juga daripada ulama-ulama Islam sendiri.

3.5 MATA WANG DINAR DAN KEISTIMEWAANNYA BERBANDING MATA WANG SEKARANG

Perlu diketahui juga, sistem mata wang Islam yang bersandarkan kepada emas dan perak telah sekian lama menjadi transaksi utama umat Islam, tanpa apa-apa masalah yang membawa kepada krisis ekonomi pada masa itu. Ini kerana emas

⁵² Yūsuf al-Qaradāwī (1999), *Fiqh al-Zakāt*, *op.cit*, h. 238.

⁵³ *Op.cit*.

⁵⁴ *Ibid*.

dan perak mempunyai banyak keistimewaannya dalam aspek ekonomi berbanding dengan mata wang kertas sekarang, yang sentiasa turun naik nilainya secara mendadak, dan boleh menyebabkan ekonomi sesebuah negara jatuh merudum. Sistem mata wang Islam yang bersandarkan kepada emas mempunyai kelebihan yang tersendiri berbanding dengan sistem mata wang sekarang yang tidak mempunyai sandaran yang kukuh. Antara keistimewaan-keistimewaan sistem mata wang dinar ialah :

3.5.1 Mata Wang Dinar Mempunyai Nilai Intrinsik

Nilai intrinsik yang dimaksudkan dalam mata wang dinar dan dirham ialah mempunyai nilai yang tinggi kerana keduanya adalah logam berharga yang mendapat banyak permintaan. Ia berbeza dengan mata wang kertas sekarang yang nilainya hanya berdasarkan kepada pengesahan kerajaan dan bukannya kertas itu sendiri yang bernilai.

Dalam konteks kestabilan nilai pula, dinar dan dirham lebih stabil berbanding mata wang kertas kerana emas dan perak adalah terhad jika dibandingkan dengan wang kertas yang boleh dicetak bila-bila masa dan sebanyak mana yang dikehendaki. Hal yang demikian akan menyebabkan lebih wang kertas di pasaran dan menyebabkan penawaran melebihi permintaan yang akhirnya boleh mengakibatkan sesebuah negara itu miskin. Hal inilah yang menyebabkan perlunya penggunaan mata wang Islam sebagai media utama dalam transaksi perdagangan antarabangsa.

3.4.9 Syeikh Yūsuf al-Qaradāwī :

Emas dan perak adalah dua jenis logam yang berharga dan diberi keistimewaan yang banyak oleh Allah S.W.T, yang tidak terdapat pada logam-logam lain, dan kerana logam ini susah didapati, kebanyakan daripada masyarakat telah menjadikan keduanya sebagai mata wang utama dan pengukur nilai bagi barangan sejak zaman-berzaman.⁵² Islam juga mengaitkan emas dan perak sebagai mata wang syar'ī yang berkait rapat dengan kebanyakan daripada hukum-hukum syarak sebagaimana dalam hukum riba dan pertukaran.⁵³ Sebahagian lain pula berkaitan dengan mas kahwin dan undang-undang jenayah, seperti penentuan kadar potong tangan bagi pencuri dan pembayaran diyat serta berkaitan dengan hukum zakat.⁵⁴

Oleh hal yang demikian, sistem mata wang Islam yang sebenarnya ialah berdasarkan kepada dua logam utama iaitu dinar dan dirham yang diperbuat daripada emas dan perak. Ini kerana kombinasi dua logam ini telah mendapat pengiktirafan yang istimewa daripada Allah S.W.T di dalam beberapa ayat al-Quran, Sunnah nabi S.A.W dan juga daripada ulama-ulama Islam sendiri.

3.5 MATA WANG DINAR DAN KEISTIMEWAANNYA BERBANDING MATA WANG SEKARANG

Perlu diketahui juga, sistem mata wang Islam yang bersandarkan kepada emas dan perak telah sekian lama menjadi transaksi utama umat Islam, tanpa apa-apa masalah yang membawa kepada krisis ekonomi pada masa itu. Ini kerana emas

⁵² Yūsuf al-Qaradāwī (1999), *Fiqh al-Zakāt*, *op.cit*, h. 238.

⁵³ *Op.cit*.

⁵⁴ *Ibid*.

3.5.2 Bebas Daripada Unsur Riba⁵⁵

Sesungguhnya syariat Islam mengharamkan beberapa perkara yang membawa kemudaratn kepada individu dan masyarakat, kerana ianya membawa kepada penompokan harta.⁵⁶ Di antara perkara yang diharamkan oleh syarak ialah bermuamalah dengan riba yang banyak diamalkan sekarang dalam bentuk pinjaman bertempoh.⁵⁷ Pengharaman ini mempunyai hikmat-hikmat yang tertentu, seperti mengelakkan daripada sifat malas dan dengki orang miskin kepada orang kaya dan mengekalkan sifat rahmah serta belas kasihan.⁵⁸

Salah satu prinsip dalam sistem kewangan Islam ialah penghapusan riba, yang mana Allah S.W.T sendiri menjelaskannya di dalam banyak ayat al-Quran⁵⁹ dan memerangi mereka yang terlibat dengan amalan riba; Pengharaman riba juga telah menjadi ijmak ulama sejak dari dahulu lagi.⁶⁰

⁵⁵ Amalan riba ini diharamkan oleh semua agama wahyu seperti agama Yahudi, Kristian dan Islam sendiri, berlainan dengan agama Yahudi yang tidak melarang penganutnya memakan riba kecuali pada umatnya sahaja. (Lihat al-Sayyid Sābiq (1994), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, Kaherah : Dār al-Fath Li al-ʿIlām al-ʿArabī, h. 186). Solon yang merupakan penulis *Constitution of Athen* melarang pengamalan riba, manakala Plato dalam bukunya *Canon* berkata : "Tidak halal seseorang itu memberi hutang dengan mengenakan riba". Manakala Aristotle menganggap faedah ataupun bunga daripada riba itu adalah tidak *natural*, kerana untung yang diperolehi itu bukan secara berusaha. Juga beliau mengatakan : "Wang tidak boleh melahirkan wang." (Lihat Nor Mohamed Yacop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, *op.cit*, h. 18). Riba pada istilah para fuqaha' ialah pertambahan dalam pertukaran dua bahagian : 1- Riba al-Nasi'ah, iaitu pertambahan yang berlaku kerana terlebih tempoh. 2- Riba al-Fadl, iaitu pertukaran dalam barangan sejenis berserta tambahan pada salah satu barangan tukaran tersebut. (Lihat 'Abd. al-Rahmān al-Juzairī (1990), *Kitāb al-Fiqh 'Alā al-Madhāhib al-'Arba'ah*, j. 2, Beirut : Dār al-Fikr, h. 245). Ada juga ulama membahagikan riba kepada tiga bahagian dengan menambahkan Riba al-Yad, iaitu jual-beli yang dilakukan dengan menangguhkan penerimaan kedua-dua barangan itu ataupun salah satu daripadanya sebagai salah satu bahagian riba. (Lihat Abū Yahya Zakariyyā al-Anṣārī (1997), *Hāsyiah al-Syarqāwī 'alā Tuhfat al-Ṭullāb Bisyarḥ - Tahrīr Tanqīh al-Lubāb*, j. 3, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 64).

⁵⁶ 'Abd. Allāh Nāṣih 'Ulwān (1989), *al-Takāful al-ʿItimaʿī Fī al-Islām*, c. 5, Kaherah : Dār al-Salām, h. 45.

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ *Ibid.*, h. 46.

⁵⁹ Lihat ayat-ayat al-Quran Surah al-Baqarah (2) : 275, 276 dan 278,279, Surah Āli 'Imrān (3) : 130, Surah al-Nisā' (4) : 158,159 dan Surah al-Rūm (30) : 39.

⁶⁰ Nor Mohamed Yacop (1996), *op.cit*, h. 16.

Dalam konteks sistem mata wang Islam pula, dinar dan dirham menjadi piawai utama dan pengukur nilai bagi semua barangan yang telah ditetapkan oleh Rasulullah S.A.W sejak dulu lagi. Penggunaan mata wang sebagai pengukur nilai dan piawai barangan adalah satu cara yang baik untuk mengelakkan mata wang itu dijadikan komoditi yang boleh diperdagangkan. Aristotle⁶¹ sendiri mengatakan bahawa wang tidak boleh melahirkan wang dan menggariskan bahawa wang yang dijadikan komoditi adalah perniagaan yang di luar tabi'i dan keuntungan yang diperolehi daripada sumber tersebut adalah riba.⁶²

Oleh yang demikian, masalah yang dihadapi oleh mata wang sekarang ialah penggunaannya sebagai komoditi seperti barang dagangan lain. Ini akan menyebabkan berlakunya riba *al-Faql*; oleh sebab itulah nabi S.A.W melarang keras pertukaran mata wang sejenis dengan ada pertambahan, supaya semua barangan kembali kepada ukuran sebenar yang sama iaitu dinilai dalam bentuk mata wang.

Perdebatan tentang mata wang sebagai komoditi ataupun sekadar simbol sahaja telah lama berlaku, dan mempunyai pro dan kontranya sejak lebih daripada tiga abad yang lalu. Walau bagaimanapun, punca utama yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang ialah kerana penggunaannya yang salah sebagai komoditi perdagangan yang sama dengan barangan lain. Inilah hikmat hadis rasulullah S.A.W yang melarang keras pertukaran berasaskan emas dengan emas dan perak dengan perak dengan ada pertambahan.

⁶¹ Aristotle adalah ahli falsafah Greek yang terkemuka.

⁶² Nor Mohamed Yakcop (1996), *Ibid*, h. 19.

3.5.3 Kebal Daripada Inflasi⁶³

Inflasi yang berterusan adalah salah satu masalah yang serius dalam negara sekarang akibat daripada kemerosotan nilai benar wang dan aset kewangan. Ini menunjukkan kestabilan nilai benar wang adalah amat penting untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan keadilan sosial, serta kebajikan ekonomi dapat dipertahankan sebagaimana yang ditegaskan dalam ayat al-Quran.⁶⁴

Disebabkan oleh ketidakstabilan mata wang yang berterusan inilah menjadi faktor utama menyebabkan penyakit ekonomi moden yang kadangkala muncul dalam bentuk inflasi, dan pada waktu yang lain muncul dalam bentuk deflasi.⁶⁵ Inflasi yang berlaku menyebabkan wang tidak dapat berfungsi sebagai satu unit akaun yang adil dan jujur.⁶⁶ Inflasi juga menyebabkan kurangnya kuasa pembelian terhadap aset-aset kewangan dan mendatangkan bahaya kepada kecekapan sistem kewangan, serta mengenakan kos kebajikan ke atas masyarakat.⁶⁷

Dalam hal ini, menjadi tanggungjawab setiap negara untuk menstabilkan ekonominya supaya tidak berlaku inflasi. Oleh yang demikian, satu mekanisme mata wang pada kadar yang tetap boleh membebaskan sesebuah negara daripada cengkaman inflasi.. Standard emas yang tetap boleh menyelesaikan masalah

⁶³ Inflasi ditakrifkan sebagai kenaikan tingkat harga umum disebabkan pertambahan perbelanjaan yang tidak sepadan dengan pertambahan keluaran. (Lihat *Kamus Pelaburan* (1997), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 54, Mansor Jusoh (1990), *Inflasi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 6.

⁶⁴ Al-Quran, al-An'am (6) : 152.

⁶⁵ Mahmūd Abū Su'ūd (1994), *Sistem Perekonomian Islam*, (terj.) Ahmad Rafaa'i b. Ayudin dan Abd. Latif b. Hamid, Kuala Lumpur : Penerbitan al-Ramadhan, h. 55.

⁶⁶ M. Umer Chapra (1985), *Towards a Just Monetary System*, Leicester : The Islamic Foundation, h. 37..

⁶⁷ *Ibid.*

inflasi kerana cadangan emas yang ada membatasi peluasan kredit. Ia juga kebal terhadap inflasi baik oleh banyaknya pencetakan mata wang maupun oleh devaluasi akibat keputusan pemerintah.⁶⁸

Masalah inflasi sebagaimana yang diketahui berlaku kerana kuantiti mata wang di pasaran melebihi kuantiti barang-barang dan perkhidmatan yang ada di pasaran. Bertambahnya kuantiti wang di pasaran menyebabkan bertambahnya permintaan terhadap barang-barang dan perkhidmatan kerana orang ramai mempunyai kuasa beli yang kuat.⁶⁹ Ini berlaku kerana, percetakan wang yang tiada sebarang batasan ataupun sandaran kepada piawai tertentu. Oleh yang demikian, langkah yang paling baik dalam menangani masalah inflasi ialah dengan menghadkan pengeluaran wang kertas.⁷⁰

Walau bagaimanapun, cara tersebut tidak begitu praktikal kerana punca utama terhadap inflasi⁷¹ ialah mata wang kertas itu sendiri yang tidak bersifat stabil. Ini dapat diatasi jika mata wang itu bersandarkan emas ataupun perak, yang mana pengeluarannya adalah terhad berdasarkan simpanan emas yang ada pada sesebuah negara.

⁶⁸ Sila lihat <http://www.gamma.co.id/artikel/utama/GM10205-940.shtml>, 12 Ogos 2002.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ Harcharan Singh Khera (1982), *Prinsip-Prinsip Ekonomi*, *op.cit.*, h. 268.

⁷¹ *Ibid.*, h. 261.

3.5.4 Bebas Daripada Spekulasi⁷² dan Manipulasi⁷³

Kebiasaannya spekulasi berlaku dalam pasaran tukaran mata wang asing⁷⁴ yang banyak melibatkan pertukaran mata wang-mata wang yang berdagang di peringkat antarabangsa. Spekulasi berbeza dengan lindung nilai dan arbitraj kerana lindung nilai adalah tindakan diambil untuk menghapuskan risiko pertukaran, manakala arbitraj pula melibatkan prinsip membeli mata wang apabila harganya murah dan menjualnya semula apabila harganya mahal, sedangkan spekulasi merupakan tindakan yang sengaja diambil untuk menanggung risiko pertukaran.⁷⁵ Kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang membicarakan tentang spekulasi :

"Risiko spekulasi akan dapat dikurangkan kepada hampir tiada.

Malaysia telah menyediakan mekanisme dalam pelaksanaan

mata wang dinar. Emas mempunyai nilai yang telah ditetapkan

berdasarkan kepada permintaan bagi logam, nilainya mungkin

meningkat atau susut mengikut permintaan dunia dan

⁷² Spekulasi ialah penanggung risiko pertukaran yang disengajakan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. (Lihat Mohamed Yusoff (1990), *Ekonomi Antarabangsa*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 188). Para speculator akan membeli mata wang pada waktu ianya jatuh nilai dan menjualnya apabila mata wang itu naik, dengan kata lain mereka akan memegang mata wang itu ketika turun nilai sehingga ianya naik kembali.

⁷³ Manipulasi ialah tindakan pelabur yang mengada-adakan pergerakan harga, volum, atau minat dalam sesuatu sekuriti bagi tujuan menarik pelabur lain supaya melabur dalam sekuriti berkenaan. Misalnya, ia dilakukan dengan membeli sesuatu sekuriti itu dengan banyak pada harga tinggi, seolah-olah ia diperdagangkan dengan aktif. Apabila ramai pelabur lain membeli harga akan meningkat lebih tinggi. Pada masa itu pelabur tersebut akan menjual sekuritinya dan meraih keuntungan. (Lihat *Kamus Kewangan* (1996), *op.cit.*, h. 96-98).

⁷⁴ Pertukaran mata wang asing bermaksud penukaran mata wang sebuah negara dengan mata wang sebuah negara yang lain. Pertukaran mata wang asing berlaku apabila terdapat urusan perdagangan antarabangsa seperti pembayaran untuk import dan penerimaan hasil eksport barangan atau perkhidmatan. Urusan pertukaran mata wang asing biasanya dikendalikan oleh bank-bank perdagangan yang menjual dan membeli mata wang asing seperti cek kembang, nota bank dan draf bank. (Lihat Rosli Mahmood (1997), *Konsep Asas Perbankan*, *op.cit.*, h. 103-104).

⁷⁵ Miltiades Chacholiades (1989), *op.cit.*, h. 262..

permintaan di negara tertentu. Tetapi turun naik itu akan minima,".⁷⁶

Dalam pasaran tukaran mata wang asing, para spekulator akan terus memperdagangkan mata wang seperti komoditi lain yang menyebabkan ketidakstabilan nilai mata wang sesebuah negara. Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat bahawa spekulasi adalah berfaedah kepada pasaran kerana aktiviti mereka ialah untuk menyelaraskan semua perbezaan harga dan juga meningkatkan harga masa kini ke paras harga masa depan.⁷⁷ Jika spekulasi menawarkan perkhidmatan sosial dan beroperasi mengawal turun naik harga, ianya bersesuaian dengan semangat Islam.⁷⁸ Tetapi sekiranya dibuat penelitian, tujuan utama spekulator adalah mencari keuntungan yang berlipat ganda tanpa mengira kepentingan masyarakat umum.⁷⁹ Spekulasi juga biasanya berlaku dalam pasaran hadapan (*forward market*)⁸⁰ dalam sesebuah bursa saham.

Oleh yang demikian, segala masalah spekulasi dan manipulasi terhadap mata wang dapat diselesaikan dengan adanya mata wang yang tetap dan stabil nilainya iaitu dinar dan dirham. Ini kerana sistem yang tetap dapat mengukur kadar pertukaran dengan lebih stabil dan dapat menghilangkan unsur-unsur

⁷⁶ Sila lihat

http://www.neac.gov.my/statements/020326bernama_mekanisme_penggunaan_dinar_sudah_sedia.htm, 26 Mac 2002.

⁷⁷ Muhammad Abdul Mannan (1992), *Ekonomi Islam : Teori dan Praktis*, op.cit, h. 265.

⁷⁸ Ibid.

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Pasaran hadapan biasanya pasaran komoditi atau mata wang yang penghantarannya dilakukan pada suatu masa yang dipersetujui pada masa hadapan. Pasaran jenis ini digunakan oleh pesertanya sebagai cara untuk melindungi nilai kedudukan kini, ataupun untuk tujuan spekulasi. Walau bagaimanapun, di Malaysia amalan biasa jualan hadapan ini berlaku di pasaran hadapan komoditi dengan ditentukan saiz, kualiti, dan harga yang ditetapkan pada tarikh tertentu. (Lihat *Kamus Kewangan* (1996), op.cit, h. 120.

ketidakpastian dan ketidakstabilan harga.⁸¹ Seterusnya dengan wujudnya kadar pertukaran yang lebih stabil, kegiatan spekulasi dalam pasaran tukaran mata wang asing dapat dihapuskan.⁸² Mata wang bukan sahaja diperniagakan berdasarkan jual beli tunai (*spot transaction*) malah diperdagangkan di pasaran hadapan (*forward and future transaction*). Perniagaan mata wang di pasaran hadapan dan di bawah *forward transaction* inilah sebenarnya memungkinkan berlakunya spekulasi dan manipulasi di pasaran.

3.5.5 Bebas Daripada Gharar⁸³

Gharar merujuk kepada ketidakpastian yang wujud dalam pasaran, terhadap barangan yang tidak pasti kewujudannya di pasaran, harga yang tidak pasti, penipuan harga dan penipuan sifat jualan.⁸⁴ Dengan berkonsepkan sistem mata wang Islam yang berasaskan dinar dan dirham, masalah gharar dapat diatasi kerana pertukaran mata wang pelbagai negara akan menjadi tetap dan risiko penipuan dalam pasaran juga tidak akan timbul.

3.5.6 Setiap Negara Akan Menjaga Kekayaan Emas

Apabila sistem mata wang Islam yang bersandarkan kepada dinar dan dirham diperkenalkan, setiap negara akan menjaga kekayaan emas yang ada di negara mereka supaya tidak berlaku pelarian emas dari satu negara ke satu negara yang

⁸¹ Wan Mansor Wan Mahmood (1993), *op.cit*, h. 57.

⁸² *Ibid*.

⁸³ Imam al-Syafi'i menjelaskan bahawa gharar itu ialah jual beli yang bukan barang yang dimiliki, seperti menjual anak dalam kandungan ibunya, hamba yang lari ataupun burung dan ikan yang belum ditangkap. Beliau menjelaskan kesemua ini adalah jual beli yang tidak sah. Lihat Abū al-Hassan 'Alī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb al-Māwardī (1994), *al-Hāwī al-Kabīr*, j. 6, Beirut : Dār al-Fikr, h. 399. Dalam konteks sekarang gharar bolehlah dikatakan transaksi yang tidak pasti ataupun tidak wujud yang berlaku di pasaran.

⁸⁴ Nor Mohamed Yacop (1996), *op.cit*, h. 27.

lain. Kekayaan tersebut tidak akan dipindahkan dari negara tersebut kecuali adanya alasan yang sah menurut syarak. Sesebuah negara juga tidak perlu kepada mekanisme kawalan ke atas emas dan perak nya kerana kedua-duanya tidak akan keluar melainkan sebagai harga barangan dan perkhidmatan.⁸⁵

3.5.7 Pertukaran Mata Wang Antara Negara Tetap

Antara keistimewaan kadar pertukaran yang tetap berasaskan sistem mata wang Islam ialah pertukaran mata wang antara negara-negara yang berdagang akan menjadi tetap. Ia boleh menggalakkan pelaburan jangka panjang dan memesatkan perdagangan antarabangsa.

Ia tidak akan membawa kepada penawaran yang berlebihan sebagaimana yang berlaku kepada wang kertas, dan inilah yang menyebabkan mata wang bersifat tetap dan mendapat kepercayaan umum.⁸⁶ Emas adalah semacam insurans. Emas memberikan bank pusat portfolio-portfolio dengan kemampuan *hedging* yang sempurna melawan *foreign exchange* (forex) kerana stabil dan kuat. Emas memenuhi syarat yang diperlukan bagi operasi bank syariah.⁸⁷

Hal yang demikian adalah kerana sistem pertukaran yang tetap boleh mewujudkan keyakinan yang tinggi di kalangan pelabur; mereka akan mengetahui lebih awal lagi jumlah yang perlu dibayar terhadap import dan kadar yang akan diterima bagi barangan eksport dalam aktiviti perdagangan antarabangsa.

⁸⁵ Abd. al-Qadīm Zallūm (1983), *op.cit.* 231.

⁸⁶ *Ibid.* h. 230.

⁸⁷ Sila lihat <http://www.gamma.co.id/artikel/utama/GM10205-940.shtml>, 12 Ogos 2002, *op.cit.*

Pelaksanaan program pembangunan negara dapat berjalan dengan teratur dan lancar oleh sebab pertumbuhan industri yang mapan bagi negara yang banyak bergantung kepada perdagangan luar.

Ia juga merupakan bantuan yang besar kepada pengimport dan juga pengeksport. Keyakinan terhadap kestabilan kadar pertukaran sangat penting terutamanya bagi pedagang yang tidak melindungi risiko pertukaran.⁸⁸ Kestabilan sistem kadar pertukaran juga adalah prasyarat yang perlu ada untuk sesebuah Kumpulan Ekonomi Serantau (*Regional Economic Group*) berfungsi dengan berkesan.⁸⁹

3.5.8 Peredaran Mata Wang Terhad

Menurut sistem mata wang Islam, bank-bank pusat dan pemerintah tidak akan memperluas peredaran mata wang kertas, kerana secara umum wang kertas tersebut boleh ditukarkan menjadi emas dengan harga tertentu. Ini kerana pemerintah-pemerintah tertentu khuatir jika memperluaskan peredaran wang kertas tersebut, ia akan menambahkan jumlah permintan emas dan pemerintah sendiri tidak sanggup menghadapi permintaan tersebut.

3.5.9 Kebebasan Pertukaran Emas

Dengan penggunaan sistem mata wang dinar dan dirham, kebebasan pertukaran emas boleh dilakukan secara mengimport atau mengeksportnya. Dalam keadaan

⁸⁸ Wan Mansor Wan Mahmood (1993), *op.cit.* h. 57.

⁸⁹ *Ibid.*

seumpama ini, aktiviti pertukaran mata wang tidak akan dipengaruhi oleh tekanan luar negara, yang mana boleh mempengaruhi harga-harga barang dan gaji para pekerja.⁹⁰

Apabila berlakunya kebebasan pertukaran emas, ketidakimbangan pembayaran senang diperbetulkan.⁹¹ Sebagai contoh, sesebuah negara mengalami defisit dalam imbalan pembayaran akan menghadapi aliran keluar emas dan dengan sendirinya mengambil langkah menurunkan penawaran wang dan harganya. Manakala negara yang mempunyai lebih imbalan pembayaran pula akan mengalami aliran masuk emas dan meningkatkan penawaran wang dan nilainya. Negara yang mengalami defisit akan meningkatkan jumlah eksportnya, manakala negara yang mengalami lebih pula akan mengurangkan jumlah eksportnya. Apabila kedua-dua ini berlaku, imbalan pembayaran dapat diseimbangkan semula.⁹²

3.5.10 Mengukuhkan Kesatuan Umat Islam

Konsep penggunaan mata wang Islam yang berasaskan dwilogam, iaitu emas dan perak dapat mewujudkan satu kesatuan dan blok perdagangan Islam yang mengutamakan prinsip keadilan sejagat bagi menyaingi blok perdagangan barat yang ternyata mengamalkan dasar kapitalisme.

Negara-negara Islam boleh bekerjasama dengan lebih erat lagi dalam perdagangan antara negara dengan menetapkan satu piawaian yang lebih standard

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Wan Mansor Wan Mahmood (1993), *op.cit.* h. 54.

⁹² *Ibid.*

dan stabil untuk kepentingan bersama. Dalam hal ini sistem mata wang Islam patut menjadikan mata wang Euro sebagai contoh yang telah dilakukan oleh Kesatuan Eropah bagi mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara terlibat.

3.6 KELEMAHAN SISTEM MATA WANG SEKARANG

Jelaslah bagi kita bahawa dinar dan dirham adalah satu sistem yang kebal daripada spekulasi, inflasi, riba, gharar dan sebagainya. Ini kerana mata wang tersebut mempunyai kelebihan daripada sifat semulajadinya lagi yang dicipta oleh Allah S.W.T sebagai logam bernilai, yang menyebabkan ianya mempunyai keistimewaannya yang berbeza daripada yang lain terutamanya mata wang yang berasaskan wang kertas. Sistem yang berasaskan wang kertas tidak sesuai bagi mengatasi krisis ekonomi terutamanya krisis mata wang yang menjadi punca utama jatuhnya ekonomi sesebuah negara. Ini kerana mata wang kertas mempunyai kelemahan-kelemahan, di antaranya adalah seperti berikut :

3.6.1 Riba

Dalam sistem ekonomi konvensional, bunga memainkan peranan yang amat besar dan ia wujud dalam kedua-dua peringkat ekonomi sama ada di peringkat mikro mahupun makro. Ia bukan sahaja berperanan penting dalam mekanisme harga yang menentukan tabungan dan pelaburan, tetapi juga digunakan oleh kerajaan sebagai satu alat dalam mengawal dan mempengaruhi ekonomi.⁹³

⁹³ Ab. Mu'min Ab. Ghani, (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 131.

Sistem faedah bank hanyalah lanjutan dari penerimaan sistem kertas tanpa sandaran emas dan penyisihan dinar emas dan dirham perak yakni mata wang seperti terdapat di dalam al-Quran. Sistem wang kertas tanpa sandaran memang didominasi oleh pihak Amerika dan ahli riba melalui wang kertas dolar Amerika.⁹⁴

Manakala dalam sistem ekonomi Islam ianya dilarang keras. Wang kertas yang menjadi mata wang sesebuah negara sekarang menggantikan sistem mata wang yang bersandarkan emas tertakluk kepada hukum riba dalam proses transaksi sebagaimana yang terjadi kepada emas dan perak. Tegasnya, wang kertas mengambil hukum emas dan perak dalam pertukaran antara mata wang dengan mata wang.⁹⁵ Sistem mata wang kertas sepatutnya hanya diterima sebagai *fulus*⁹⁶ atau wang pecah. Dalam hal ini, kerajaan Malaysia telah berani mencabar sistem riba wang kertas dengan menyeru supaya diharamkan jual beli wang.⁹⁷

3.6.2 Tiada Nilai Intrinsik

Mata wang kertas tidak mempunyai nilai intrinsik kerana ia berharga hanya apabila diiktiraf sebagai mata wang oleh kerajaan dengan nilai yang tertentu. Jika dikira daripada kertas ianya memang tidak mempunyai apa-apa nilai. Oleh yang demikian, kadar tukaran sesuatu mata wang tertakluk kepada manipulasi seperti

⁹⁴ Lihat *Utusan Malaysia*, 6 Oktober 1998.

⁹⁵ Ahmad Hassān (1999), *op.cit.* h. 290.

⁹⁶ Fulus ialah wang kecil sebagai tambahan untuk membeli barangan yang nilainya kecil.

⁹⁷ Sila lihat [Http://www.smpke.jpm.my/pm3.htm](http://www.smpke.jpm.my/pm3.htm), 22 Mei 2003.

yang dilihat semasa krisis kewangan Asia.⁹⁸ Sebagaimana kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad :

"Emas mempunyai nilai yang tetap berdasarkan permintaan terhadap logam itu. Nilainya mungkin meningkat atau susut mengikut permintaan dunia dan permintaan di sesebuah negara. Tetapi kadar turun naik itu adalah minimum".⁹⁹

Oleh kerana sifatnya yang semulajadi tidak mempunyai nilai sebagaimana sifat emas dan perak yang mempunyai nilai intrinsik, maka nilai tukarnya menjadi subjek utama manipulasi.¹⁰⁰ Inilah kelemahan asas yang terdapat pada mata wang kertas sekarang yang menyebabkan ianya terdedah kepada berbagai-bagai masalah dalam kestabilan mata wang.

3.6.3 Nilai Yang Tidak Stabil

Nilai mata wang kertas tidak stabil di pasaran kerana ianya dibiarkan terapung mengikut permintaan dan penawaran yang dibuat terhadapnya. Ini menyebabkan nilainya tidak menentu kerana tidak mempunyai sandaran yang tetap bagi menjamin kestabilannya di pasaran.

Ia juga terdedah kepada susut nilai yang cepat, wang kertas jika disimpan di rumah dalam jangka masa yang lama akan disusut nilai oleh kuasa pasaran. Jika dibandingkan dengan Dolar AS ianya boleh disusut nilai dalam jangka masa yang

⁹⁸ Lihat *Utusan Malaysia*, 27 Mac 2002.

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ *op.cit.*

singkat sahaja. Di Indonesia susut nilai Rupiah didapati sehingga beratus peratus.¹⁰¹

Oleh kerana sifat wang yang sedemikian, menyebabkan kita terpaksa menyimpannya di bank kerana kebiasaannya wang akan bertambah dalam bentuk faedah. Oleh itu, susut nilai boleh dielakkan menurut kadar semasa yang diberikan oleh pihak bank. Ini bermakna kemungkinan faedah yang kita perolehi daripada bank bukanlah keuntungan tetapi '*adjustment*' untuk susut nilai yang berlaku.¹⁰² Walau bagaimanapun, wang yang disimpan di bank pun tidak menjamin keselamatan, malahan ianya boleh lupus sepenuhnya dengan penutupan bank ataupun akaun. Keadaan ini sudah menjadi agak lazim sekarang di beberapa negara luar. Faedah 100% sudah tidak bermakna lagi apabila susut nilai wang yang berterusan. Di negara jiran wang disusut nilai melebihi 600%.¹⁰³

3.7 KESIMPULAN

Sistem mata wang Islam yang berasaskan kepada dinar dan dirham adalah mekanisme utama yang boleh menyelesaikan masalah ekonomi dunia waktu ini yang diancam oleh kerakusan kuasa-kuasa besar yang inginkan keuntungan tanpa mengira kepedihan yang dirasakan oleh rakyat negara yang membangun dan miskin. Begitu juga dengan krisis ekonomi yang melanda Asia pada 1997-1998 adalah rentetan daripada kejatuhan nilai mata wang yang menjadi permainan di pasaran antarabangsa.

¹⁰¹ Lihat Utusan Malaysia, 15 Julai 1998.

¹⁰² Umar Azmon Amir Hassan (2002), *op.cit*, h. 3.

¹⁰³ *Op.cit*.

Dinar dan dirham adalah mata wang syar'i yang digunakan sejak zaman Rasulullah S.A.W lagi sebagai media transaksi utama dalam perdagangan mereka, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia disebut mata wang syar'i kerana mendapat pengiktirafan yang berbeza melalui dua sumber hukum utama Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Begitu juga para ulama klasik menetapkan segala bentuk urusan yang berkaitan dengan wang seperti zakat, diyat, penentuan potong tangan bagi pencuri dan sebagainya lagi menurut piawai dinar dan dirham. Inilah bukti kukuh yang menunjukkan bahawa dinar dan dirham adalah mata wang yang dinamik dan praktikal untuk digunakan sepanjang zaman.

Walaupun bagaimanapun, ada segelintir ahli ekonomi yang masih lagi ragu-ragu dengan sistem mata wang Islam, sehingga mereka menyatakan sekiranya emas dijadikan mata wang, kegiatan ekonomi tidak menjadi dinamik dan terbantut serta menyebabkan bekalan emas dunia berkurangan. Dalam hal ini, 'Abd. al-Qadīm Zallūm menafikan pendapat tersebut dengan menyenaraikan beberapa sebab bagi membuktikan penafian beliau, antaranya ialah ¹⁰⁴:

- 1- Sepanjang sejarah manusia, tidak pernah logam-logam yang lain daripada emas dan perak mendapat perhatian yang lebih. Sejak dahulu lagi penggunaan emas dan perak berterusan sehinggalah hari ini. Contohnya penggunaan emas dan perak sebagai mata wang dalam perdagangan atau sebagai barang perhiasan.

¹⁰⁴ 'Abd. al-Qadīm Zallūm (1983), *op.cit*, h. 234.

- 2- Sesungguhnya emas yang wujud pada zaman dahulu sehinggalah kepada berakhirnya kurun ke-19 mencukupi bagi menanggung segala kegiatan perniagaan dan menampung semua keperluan ekonomi dunia, tanpa ada apa-apa masalah ekonomi ataupun kewangan. Sepanjang kurun ke-19 yang menyaksikan pertumbuhan yang pesat dari segi ekonomi pun tidak memerlukan kepada jumlah emas yang besar walaupun bertambahnya barangan dan perkhidmatan.
- 3- Perkara utama sebenarnya bukanlah terletak kepada banyaknya wang di pasaran, tetapi yang menentukannya ialah kekuatan belian terhadap wang tersebut. Piawai yang bersandarkan kepada emas mempunyai kekuatan belian yang besar dan bersifat tetap. Sebaliknya pengeluaran wang kertas yang berlebihan boleh membawa kepada inflasi dan mengurangkan kuasa belian terhadap wang kertas.
- 4- Pada zahirnya kekurangan emas yang berlaku adalah bukan disebabkan sandarannya terhadap emas, sebaliknya berlaku akibat daripada berlakunya inflasi dunia yang besar. Sekiranya dunia kembali kepada sistem yang bersandarkan emas masalah kejatuhan nilai dapat diatasi semula.

Sistem mata wang yang berasaskan dinar dan dirham mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbeza dengan mata wang kertas yang menjadi punca terhadap segala masalah ekonomi dewasa ini kerana terdedah kepada

subjek spekulasi dan manipulasi di pasaran. Ini kerana nilainya yang tidak stabil dan tidak mempunyai sandaran yang kukuh.

Jelaslah kepada kita bahawa pendapat yang tidak inginkan kepada sistem mata wang bersandarkan dinar dan dirham itu adalah mereka yang bersekongkol dengan mazhab kapitalisme yang mendapat sokongan dan dokongan daripada Yahudi, yang sentiasa mengintai peluang untuk menghancurkan Islam dan umatnya. Oleh yang demikian, jawapan yang sewajarnya dan tepat bagi menangani krisis ekonomi sekarang ialah dengan mengembalikan semula kegemilangan sistem mata wang Islam yang berasaskan kepada dinar emas dan dirham perak, yang telah terbukti sebagai pencetus utama kepada kemakmuran ekonomi dan dapat mewujudkan keadilan kepada dunia keseluruhannya.